

## ISI KANDUNGAN

<b>1. SURAT PENGESAHAN PELAJAR ITM</b>	<b>1</b>
<b>2. SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAAN</b>	<b>2</b>
<b>3. PENGHARGAAN</b>	<b>4</b>
<b>4. PENGENALAN</b>	<b>5</b>
<b>5. TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN</b>	<b>6</b>
<b>6. SURAT IKATAN PERJANJIAN</b>	<b>7</b>
<b>7. LOGA DAN PENERANGAN</b>	<b>13</b>
<b>8. LATAR BELAKANG SYARIKAT DAN RAKAN KONGSI</b>	<b>15</b>
<b>9. MATLAMAT DAN STRATEGI</b>	<b>21</b>
<b>10. NAMA DAN ALAMAT PEMEGANG SAHAM</b>	<b>23</b>
<b>11. LOKASI KILANG</b>	<b>24</b>
<b>12. BAHAGIAN PENTADBIRAN</b>	<b>26</b>
<b>13. BAHAGIAN PEMASARAN</b>	<b>43</b>
<b>14. BAHAGIAN OPERASI</b>	<b>59</b>
<b>15. BAHAGIAN KEWANGAN</b>	<b>83</b>
<b>16. RUMUSAN</b>	<b>98</b>
<b>17. LAMPIRAN</b>	<b>99</b>

## PENGENALAN

Pada masa sekarang, permintaan terhadap rumah kediaman, hotel, ruang pejabat dan pusat-pusat membeli-belah adalah sangat tinggi. Oleh itu, tidak hairanlah banyak kawasan petempatan baru yang di buka dan rumah-rumah di bina bagi memenuhi kehendak manusia.

Ruang yang cantik dan selesa menjadi idaman bagi setiap pemiliknya. Ini dapat dilihat dari segi hiasan dalamannya terutamanya pada lantai dan dinding. Pemilihan dari segi warna, jenis dan corak memainkan peranan yang penting bagi membangkitkan seri dalam rumah tersebut.

Sehubungan dengan itu, kami telah mengambil peluang untuk menubuhkan perniagaan ZIRCON TILES ENTERPRISE untuk mengeluarkan jubin bagi lantai. Di dalam pembuatan jubin ini kami sentiasa mementingkan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan. Jubin yang kami hasilkan juga bermutu tinggi serta dapat bersaing dengan syarikat-syarikat pengeluar yang lain.

Kami akan menjalankan proses pengeluaran jubin ini di kawasan perindustrian Jejawi, Perlis. Ia adalah sebuah kawasan yang di jangka mempunyai potensi sebagai kawasan perindustrian yang maju. Perniagaan ini akan mula beroperasi pada bulan Januari 2002.

Tujuan kami meneroka bidang ini bukanlah hanya untuk mengaut keuntungan semata-mata tetapi juga untuk memberikan keselesaan kepada masyarakat di samping berbakti kepada negara kerana pada masa sekarang negara sememangnya memerlukan pengeluar-pengeluar barangan dalam negara untuk mengeluarkan barangan import. Semoga usaha gigih kami dapat memberi manfaat kepada semua.


## TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN.

Tujuan kami menyediakan rancangan perniagaan ini adalah bertujuan untuk melihat dan menilai perniagaan yang akan kami jalankan ini secara objektif, kritikal dan praktikal. Dengan menyediakannya kami dapat merancang pelaksanaan perniagaan dengan lebih teliti dan jelas berasaskan maklumat yang tepat dan sahih. Ini akan memudahkan perjalanan operasi syarikat kami.

Disamping itu melalui rancangan perniagaan ini juga kami dapat mengkaji dan menilai samada perniagaan yang dijalankan berdaya maju atau sebaliknya. Ini akan membolehkan kami membuat pelaburan yang tepat kepada perniagaan yang dapat memberikan keuntungan.

Rancangan Perniagaan yang disediakan juga dapat dijadikan garis panduan untuk mengurus perniagaan seharian. Dengan ini kami dapat memastikan pelaksanaan perniagaan selaras dengan perancangan yang telah dibuat dan dapat mengatur strategi perniagaan dengan lebih teliti dan mantap.

Dan akhir sekali tujuan rancangan perniagaan ini disediakan adalah untuk meyakinkan dan mendapat perhatian serta penilaian daripada pihak Institusi kewangan bagi mendapatkan sumber kewangan sebanyak RM 700,000.00.



ZIRCON TILES  
ENTERPRISE

## PENERANGAN LOGO

Walaupun pada dasarnya, dilihat logo syarikat kami ini ringkas tetapi ia mempunyai makna yang amat luas pada kami.

Bentuk empat segi pada logo kami menunjukkan syarikat kami mengeluarkan jubin berbentuk segiempat.

3 segiempat dalam satu bentuk pada logo melambangkan kaitan diantara pihak pengurusan, kakitangan dan pekerja yang mana masing-masing saling memerlukan antara dengan yang lain.

Warna-warna yang terdapat pada logo syarikat kami adalah terdiri daripada warna-warna asas yang mana jika disatukan antara satu dengan yang lain akan menghasilkan pelbagai warna yang mana ia menggambarkan kepelbagaian corak dan warna pada produk keluaran syarikat kami.

**Hijau** – Melambangkan perniagaan yang akan kami jalankan berdasarkan ciri-ciri murni Islam.

**Merah** – Melambangkan semangat dan keberanian kami menghadapi segala rintangan.

**Biru** – Melambangkan perpaduan yang erat diantara pihak pengurusan dan pekerja. Ini akan membentuk keharmonian di dalam syarikat kami.